

UMS bakal pusat rujukan serantau penyelidikan



Mohd Harun

BH 26.06.2012 4

KOTA KINABALU: Warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu berusaha gigih sebagai satu pasukan bagi memastikan matlamat menjadi pusat rujukan serantau dalam bidang penyelidikan dapat dizahirkan.

Naib Canselor UMS, Prof Mohd Harun Abdullah, berkata UMS perlu menjadikan kekayaan sumber alam di Sabah seperti alam marin, bidang akuakultur, rumpai laut dan tanaman kelapa sawit sebagai bahan penyelidikan utama.

“Kita perlu mengenal pasti dan memajukan bidang penyelidikan yang relevan, istimewa dan endemik, sesuai dengan sumber tempatan serta persekitarannya, terutama dalam membantu usaha kerajaan meningkatkan perancangan dasar pembangunan.

“Untuk itu, UMS harus merangka jaringan penyelidikan membabitkan transformasi sosial dalam kajian saintifik untuk industri kelapa sawit selaku Sabah sebagai pengeluar utama,” katanya di sini, semalam.

Mohd Harun berkata, gabungan dan jalinan kajian sinergi berupaya membantu usaha kerajaan dalam meningkatkan perancangan dasar pembangunan pada masa depan.

Katanya, UMS harus mengambil kesempatan melakukan penyelidikan dalam bidang kelapa sawit seiring kedudukan Sabah sebagai pengeluar utama, selain memanfaatkan keluasan alam marin.

Justeru, katanya, ahli akademik perlu bekerjasama dalam menobatkan bidang marin dan maritim di negeri ini sebagai antara bidang tujahan akademik dan penyelidikan berimpak tinggi UMS.

Mohd Harun berkata, kewujudan dan kedudukan Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Institut Bioteknologi (IPB) dan Institut Biologi Tropika Pemuliharaan (IBTP) UMS perlu diperkasakan ke arah melonjakkan penyelidikan berkaitan.